


Banjir Kual Krai susut, semua mangsa pulang

30 DISEMBER 2015

 Like  639     0



Gambar hiasan

Iklan tiada lagi.

[Buat asal](#)

Apa yang tidak
kena dengan iklan
ini?

- ☐ Berulang-ulang
- ☐ Tidak sesuai
- ☐ Tidak berkaitan

KUALA KRAI - Keadaan banjir yang melanda Kelantan khususnya di jajahan Kuala Krai semakin surut dan kesemua 46 mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing hari ini.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Kuala Krai, Muhamad Hanif Omar berkata, 39 mangsa daripada 11 keluarga dari Kampung Ghucil 7 di sini yang ditempatkan di Dewan Pejabat Veterinar Kuala Krai dibenarkan pulang ke rumah masing-masing pada 11 pagi.

"Begitu juga dengan tujuh orang daripada sebuah keluarga dari Kampung Olak Jeram yang ditempatkan di Madrasah Mesek telah dibenarkan pulang ke rumah 11 pagi," katanya kepada Bernama di sini.

Muhamad Hanif berkata kedua-dua pusat pemindahan banjir itu kini ditutup. - Bernama